

Mata Pelajaran	:	Geografi
Tingkatan	:	2A1
Tema	:	Dinamik Penduduk (Tema 4)
Tajuk	:	Perubahan Penduduk

Soalan Kurikulum

Soalan Penting orang?	:	Apakah akan berlaku jika penduduk dunia mencapai 20 billion orang? Bagaimanakah dasar kependudukan Negara dapat dicapai? Jika semua golongan wanita bekerjaya, apakah akan berlaku?
Soalan Unit	:	Mengapakah perubahan penduduk berlaku? Bagaimanakah corak perubahan penduduk di Malaysia?
Soalan Kandungan	:	Apakah faktor yang mempengaruhi perubahan penduduk yang terdapat di Malasia? Nyatakan faktor yang mempengaruhi kadar kelahiran dan kadar kematian? Bagaimanakah migrasi mempengaruhi perubahan penduduk?

Objektif Pembelajaran

Pada akhir projek, pelajar dapat:

1. membaca dan merujuk pelbagai sumber untuk mendapatkan maklumat bagi tajuk yang sedang dikaji termasuk maklumat daripada internet.
2. mempersembahkan projek dalam bentuk laporan dan bertulis
3. mempersembahkan projek dalam bentuk Power Point
4. menyiapkan, mempamerkan dan mengedarkan brosur projek

Ringkasan Pelajaran

Perubahan penduduk merujuk kepada jumlah penduduk bertambah atau berkurang dalam setahun di sesebuah Negara akibat pertumbuhan semula jadi dan migrasi. Kadar kelahiran, kadar kematian dan migrasi adalah factor yang mempengaruhi perubahan jumlah penduduk dalam sesebuah Negara.

Prosedur Pra-Projek

1. Guru memilih pelajar dalam kumpulan (4 hingga 5 orang)
2. Guru memberi dan membincangkan tajuk projek.
3. Guru menyediakan jadual kerja pelaksanaan dan menyenaraikan tentang pelaksanaan projek.
4. Guru menyediakan surat kebenaran untuk pelajar menjalankan kajian luar bilik darjah.
5. Pelajar membincangkan/berkolaborasi tentang soalan penting (EQ) dalam kumpulan dengan bantuan fasilitator (Guru)

Minggu 1

1. Pelajar mendapatkan maklumat melalui internet, perpustakaan dan sebagainya.
2. Mengumpul dan membincangkan maklumat yang diperolehi.
3. Guru mengenalpasti cara pelajar akan mempersembahkan projek.
4. Rubrik Penilaian.

Minggu 2

1. Kumpulan pelajar menyediakan persembahan multimedia dan brosur.
2. Berbincang dengan guru untuk memperbaiki hasil projek
3. Guru memantau hasil projek pelajar..
4. Rubrik Penilaian

Minggu 3

1. Kumpulan pelajar mempersembahkan projek mereka.
2. Guru akan membuat ulasan terhadap pembentangan yang dilakukan.
3. Penilaian hasil kerja.
4. Rubrik Penilaian

Tempoh Masa : 3 minggu

Kemahiran Sedia Ada

Pelajar telah mengetahui tentang migrasi penduduk

Pelajar berpengetahuan tentang MS Word, MS Power Point, MS Publisher, Internet Explorer dan boleh melayari internet untuk mencari maklumat yang berkaitan dengan tajuk.

Bahan Bantu Pelajar/Sumber Pembelajaran

1. Teknologi – Peralatan (kamera, DVD Player, Radio)
2. Teknologi – Perisian (Pemproses Imej, Pengkalan Data, Emel)
3. Bahan bercetak – Buku teks, buku rujukan, peta
4. Sumber internet - www.sabd.org/misi/doa/china.htm
<http://www.papezpo.net/eMain.htm>
5. Lain-lain sumber - Jabatan Perangkaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Pentaksiran

1. Rubrik brosur (penilaian guru terhadap pelajar)
2. Rubrik pembentangan Power Point
3. Rubrik Soal selidik